

- i. UiTM Holdings Sdn. Bhd.
    - RM259.98 juta suntikan modal oleh UiTM tiada kelulusan Menteri Kewangan yang tidak selaras dengan Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [*Akta 173*]; dan
    - pertukaran syarat nyata tanah daripada kategori institusi pengajian tinggi kepada kategori industri bagi projek UiTM Solar Park I di Gambang, Pahang belum diselesaikan serta dikenakan denda dan cukai tanah berjumlah RM14.69 juta.
  - ii. Kwasa Land Sdn. Bhd. (KLSB)
    - sasaran asal pembangunan Kwasa Damansara dalam tempoh 15 tahun bermula pada bulan Julai 2012 hingga tahun 2027 masih belum dicapai oleh KLSB dan KWSP;
    - hanya 5.20 ekar (0.4%) daripada keluasan keseluruhan plot tanah boleh dijual (1,324.49 ekar) siap dibangunkan sejak tahun 2012; dan
    - pelaburan KWSP dalam KLSB melibatkan modal berbayar berjumlah RM1.770 bilion namun tiada bayaran dividen sejak penubuhannya (2009).
- (c) Pengauditan khas turut dijalankan terhadap pengurusan dana bagi 11 program pembiayaan di bawah TEKUN Nasional melibatkan peruntukan yang diterima daripada Kementerian Kewangan berjumlah RM395 juta bagi program pembiayaan tahun 2021. Secara keseluruhannya, pengurusan dana dan aktiviti pembiayaan TEKUN Nasional adalah kurang memuaskan.
- (d) Selain itu, Jabatan Audit Negara turut membentangkan hasil projek rintis pengauditan penilaian sendiri syarikat Kerajaan (*Box Article*) yang merupakan inisiatif baharu yang telah diperkenalkan pada tahun 2023 dan melibatkan 30 syarikat. Inisiatif ini dapat mempertingkatkan amalan tata kelola di kalangan syarikat kerajaan.

### **3.3. LKAN Tahun 2022 Mengenai Auditan Khas Pengurusan Hutan Dan Impak Kepada Alam Sekitar**

Kawasan litupan hutan di Malaysia pada kadar 54.6% pada tahun 2021 telah melebihi sasaran 50% yang ditetapkan di bawah Dasar Perhutanan Malaysia. Namun terdapat kelemahan dalam pengurusan data perhutanan, kelemahan penyelarasan/kerjasama antara agensi berkaitan serta keperluan menambah baik aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan.